

## **Pemaknaan Semula Cerita Rakyat Melayu dalam Filem Animasi *Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal* (2019)**

**Steven Alezender<sup>1</sup> and Jacquelina Karimon<sup>2\*</sup>**

<sup>1</sup>*Jabatan Bahasa Melayu, Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia, 43400 Serdang, Malaysia*

<sup>2</sup>*Pusat Pengajian Pendidikan Jarak Jauh, Universiti Sains Malaysia, 11800 Pulau Pinang, Malaysia*

### **ABSTRAK**

Produksi Les' Copaque pada tahun 2019 tampil dengan filem animasi terbaharu berjudul *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal*. Menariknya filem ketiga jenama animasi Upin & Ipin ini tidak hanya terletak pada telatah dua beradik kembar dan kawan-kawannya malah turut dipengaruhi oleh keberanian pihak produksi yang mengadaptasi cerita rakyat Melayu untuk menggerakkan keseluruhan naratif filem ini. Namun begitu, cerita rakyat Melayu yang diadaptasi tersebut tidak hanya dieksploitasi sebaliknya pihak produksi telah mengolah naratif asal pada kadar minimum sehingga menghadirkan sebuah pemaknaan semula yang dilihat lebih baik dan segar dalam konteks semasa. Sehubungan dengan itu, makalah ini bertujuan mengenal pasti dan menganalisis pemaknaan semula cerita rakyat Melayu yang diadaptasi ke dalam filem animasi *Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal*. Kajian berbentuk kualitatif ini akan memanfaatkan filem animasi *Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal* yang ditonton menerusi pelantar penstriman *Netflix* sebagai data kajian. Pemaknaan semula cerita rakyat Melayu yang dikesan dalam bentuk dialog akan dicatat dan dianalisis menggunakan Teori Adaptasi yang diketengahkan oleh Brain McFarlane (1996). Justifikasi pemilihan teori ini diwajarkan oleh salah satu teknik teori ini iaitu transposisi yang membincangkan adaptasi dilakukan secara terus dengan melakukan sedikit perubahan. Hasil penelitian mendapati bahawa pihak produksi filem ini telah menerapkan teknik transposisi terhadap tiga cerita rakyat Melayu iaitu Si Tanggah, Bawang Putih Bawang Merah dan juga Mat Jenin sehingga berjaya menghadirkan sebuah pemaknaan semula. Justeru itu, implikasi kajian ini akan dapat mengetengahkan perutusan nilai dalam pemaknaan semula terhadap cerita rakyat Melayu tersebut agar dapat meningkatkan kerohanian dan nilai kemanusiaan khalayak.

#### ARTICLE INFO

##### *Article history:*

Received: 18 August 2023

Accepted: 26 January 2024

Published: 12 June 2024

DOI: <https://doi.org/10.47836/pjssh.32.2.16>

##### *E-mail addresses:*

GS63579@student.upm.edu.my (Steven Alezender)

jacquelina@usm.my (Jacqueline Karimon)

\*Corresponding author

*Kata kunci:* Adaptasi, cerita rakyat, filem animasi, transposisi, *Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal*

## ***Reinterpretation of Malay Folktales in the Animated Film Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal (2019)***

### **ABSTRACT**

*Les' Copaque Production 2019 presented their latest animated film, Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal. Interestingly, the third film in the Upin & Ipin animation brand is not only centered around the antics of the twin siblings and their friends but is also influenced by the production team's audacity in adapting Malay folklore to propel the narrative of this film. However, the adapted Malay folklore is not merely exploited; rather, the production team has reshaped the original narrative of the Malay folklore to present a reinterpreted version seen as more refined and relevant in the current context. Therefore, this paper aims to identify and analyze the reinterpretation of the adapted Malay folklore in the animated film Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal. This qualitative study will utilize the animated film Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal, streamed on the Netflix, as the research data. The reinterpretation of the Malay folklore detected in dialogues will be recorded and analyzed using the Adaptation Theory proposed by Brian MacFarlane (1996). The justification for selecting this theory is substantiated by one of its techniques, transposition, which discusses adaptation conducted with slight alterations. The research findings indicate that this film's production team applied the transposition technique to three Malay folklore stories: Si Tanggang, Bawang Putih Bawang Merah, and Mat Jenin, successfully presenting a reinterpretation. The implication of this study is to highlight the message of value in the reinterpretation of these Malay folklore stories, with the hope of enhancing the spirituality and human values of the audience.*

Keywords: *Adaptation, animated film, folklore, transposition, Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal*

---

### **PENGENALAN**

Pemaknaan semula terhadap kisah sejarah dan kesusasteraan Melayu dalam genre epik, jenaka, hikayat dan cerita lisan menurut Abdul Halim Ali (2012) bukanlah suatu fenomena yang baharu di Malaysia. Meskipun tidak menjadi aliran utama dalam ranah penulisan kreatif, namun kewujudannya dalam karya berbentuk drama, novel, cerpen dan puisi mengisyaratkan bahawa pemaknaan semula sudah pun lama diterapkan oleh penulis tanah air dalam

karya yang ditukangi. Keperluan untuk memberikan pemaknaan semula terhadap kisah lampau khususnya kesusasteraan Melayu mengikut Ali (2012) ialah rentetan daripada sifat yang tidak hanya mewajahkan kehidupan masyarakat yang menciptanya sebaliknya turut mengandungi lapisan makna citra dan *weltahcauung*. Baris-baris ayat yang dihulurkan dalam bentuk kesusasteraan oleh generasi terdahulu perlu sentiasa ditafsir kerana maknanya sentiasa bergerak melangkaui zaman demi zaman.

Keadaan ini akan menyebabkan makna sesebuah teks yang ditafsir pada sesuatu zaman akan berubah pada zaman berikutnya apabila melalui proses pentafsiran semula dalam belahan zaman yang berbeza. Melalui proses pemaknaan semula tersebut, maka sebuah makna baharu yang bersesuaian dengan pandangan hidup dan sosiobudaya masyarakat Melayu masa kini akan dapat diselongkar (Ali, 2012). Bersabit dengan perihal tersebut, adaptasi terawal yang menghidupkan watak Hang Tuah dan Jebat di layar perak iaitu filem *Hang Tuah* (1956) dan *Hang Jebat* (1961) umpamanya menurut Wan Hasmah Wan Teh (2017) telah tampil dengan bacaan dan interpretasi yang berbeza. Sekiranya dicermati, kedua-dua filem ini sebenarnya memiliki tujuan yang sama iaitu ingin mengangkat Hang Jebat sebagai tokoh wira yang dikenang dan bukannya sebagai penderhaka seperti yang diketahui selama ini.

Mutakhir ini, gejala pemaknaan semula terhadap kisah sejarah dan kesusasteraan Melayu tidak hanya dikesan dalam karya kreatif malah turut dapat dirasa tempiasnya dalam ranah perfileman tanah air dan salah satunya ialah menerusi filem animasi *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal*. Filem animasi ketiga keluaran Syarikat Les'Copaque ini terlihat tampil berbeza apabila berani menoleh kembali ke akar umbi dengan mengadaptasi khazanah cerita rakyat dalam perbendaharaan kesusasteraan Melayu tradisional sebagai landasan untuk menggerakkan keseluruhan naratif filem animasinya itu. Usaha produksi Les' Copaque yang mengadaptasi cerita rakyat

Melayu sebagai landasan penceritaan filem animasi *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal* merupakan sesuatu yang amat terpuji. Ini kerana, ia tidak hanya memberikan nikmat hiburan kepada penonton malah turut memugarkan semula cerita rakyat Melayu dalam era kontemporari agar terus lestari dan diketahui oleh generasi yang masih hijau. Bak cebisan perca, cerita rakyat Melayu seperti *Si Tanggang*, *Mat Jenin*, *Bawang Merah Bawang Putih*, *Batu Belah Batu Bertangkup*, *Nakhoda Ragam* dan *Nujum Pak Belalang* digabungkan dengan teliti untuk menggerakkan keseluruhan naratif filem ini. Hasilnya, filem animasi ketiga produksi Les' Copaque ini berjaya pecah panggung dengan meraih kutipan keuntungan sebanyak 25 juta selepas 21 hari tayangan. Meskipun filem animasi ini memanfaatkan cerita rakyat Melayu sebagai landasan penceritaannya, namun naratif cerita rakyat Melayu yang diadaptasi tersebut tidaklah diterapkan secara bulat-bulat oleh pihak produksi. Sebaliknya, pihak produksi telah melakukan pengolahan kreatif terhadap naratif asal cerita rakyat Melayu yang diadaptasi khususnya *Si Tanggang*, *Bawang Merah Bawang Putih* dan *Mat Jenin*. Hasilnya, sebuah pemaknaan semula berjaya dihadirkan terhadap cerita rakyat Melayu yang dinyatakan itu dengan menawarkan kesudahan yang lebih baik dan positif serta mengembleng perutusan nilai yang lebih segar dan baharu seperti penyesalan, kemaafan dan kebaikan.

## SOROTAN KAJIAN

Sebagai sebuah jenama animasi negara

yang sudah sekian lama mencipta fenomena yang tersendiri baik di tanah air mahupun negara tetangga seperti di Indonesia dan Brunei, *Upin & Ipin* sering kali menarik perhatian para sarjana untuk menekuninya dari pelbagai sudut pandang. Walaupun masih bersifat kekinian, namun filem animasi *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal* (2019) juga turut tidak ketinggalan daripada mengaktifkan perhatian para sarjana untuk turun tangan menekuninya. Berhubung dengan perihal tersebut, Jumrah dan Jumrah (2021) telah menekuni filem ketiga keluaran produksi Les' Copaque ini menerusi makalah yang berjudul *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal: Agen Didaktik Pada Layar Budaya*. Bertitik-tolak daripada permasalahan kajian tentang kemampuan filem ini dalam melaksanakan tanggungjawabnya sebagai agen penyebaran nilai didaktik, hasil dapatan menemukan nilai didaktik yang menjadi objektif kajian tercerna menerusi tiga aspek iaitu renda persahabatan merentasi sempadan perkauman, apresiasi kepada khazanah warisan bangsa dan kemurnian nilai diri insani. Secara keseluruhannya, impak kajian ini memberikan kesedaran bahawa filem, khususnya *Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal*, tidak hanya semata-mata menyajikan hiburan kepada khalayak sebaliknya turut berfungsi sebagai agen didaktik kepada masyarakat.

Lanjutan itu, penyelidikan Mahmood (2021) yang bertajuk *Keris Siamang Tunggal: Unveiling Malay Artistic Culture* terhadap filem animasi yang sama dalam salah satu objektif kajiannya ingin mengenal pasti item budaya Melayu yang diketengahkan

lewat filem ini. Analisis yang dilakukan mendapati bahawa filem animasi *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal* telah berjaya memperkenalkan seni budaya Melayu menerusi gambaran 30 item identiti Melayu yang terdiri daripada tokoh cerita rakyat Melayu, bahasa Diraja dan budaya Melayu meliputi senjata tradisional, kesusasteraan, seni persembahan, bahasa klasik, slanga dan gastronomi. Lewat kajian ini, maka dapat diketahui bahawa filem terutamanya filem animasi *Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal* merupakan salah satu medium yang terbaik untuk mengetengahkan imej dan identiti budaya Melayu ke pentas dunia serta meluaskan ufuk budaya dan ideologi seni Melayu ke seluruh pelosok dunia.

Penulisan Hashim (2021) pula yang berjudul *Penceritaan Transmedia: Pengalaman Naratif Baharu dalam Filem Animasi Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal* bertitik-tolak daripada permasalahan kajian iaitu, adakah filem animasi tersebut layak dilabelkan sebagai sebuah penceritaan transmedia ataupun sebaliknya? Hasil kajian beliau mendapati bahawa filem *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal* memenuhi kriteria sebagai penceritaan transmedia ekoran hadirnya lima ciri transmedia dalam filem animasi tersebut iaitu lengkap dan mandiri, struktur penceritaan yang sama, ruang terbuka, *fandom* dan *auteur*. Rentetan itu, impak yang disuguhkan dalam penulisan ini ialah menyentak kesedaran mengenai potensi penceritaan transmedia untuk mengembangkan sebuah budaya yang dikenali sebagai “budaya partisipatif” (budaya serta sama).

Sementara itu, Adibah (2022) menggariskan objektif ingin meneliti nilai pendidikan karakter dalam filem *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal* dalam disertasinya yang berjudul *Nilai Pendidikan dalam Film Upin dan Ipin: Keris Siamang Tunggal dan Relevansinya dengan Aspek Perkembangan Sosial Emosional pada Anak Usia Dini*. Penyelidikan yang dijalankan menemukan nilai pendidikan karakter dalam filem tersebut iaitu jujur, toleransi, disiplin, persahabatan dan peduli sosial. Manakala korelasi dengan perkembangan sosial emosional anak usia dini pula ialah perilaku kesedaran diri berkait dengan nilai karakter jujur, rasa tanggungjawab berhubungan dengan nilai karakter disiplin dan perilaku prososial mempunyai pertalian dengan nilai karakter toleransi, persahabatan serta peduli sosial. Impak kajian ini dilihat berjaya mengetengahkan potensi nilai pendidikan yang terkandung dalam filem animasi *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal* dan menghubungkannya dengan perkembangan sosial emosional kanak-kanak.

Pada masa yang sama, nilai pendidikan karakter turut menjadi tujahan perbincangan Nurfalaah et al. (2022) dalam makalah yang berjudul *Analisis Nilai Pendidikan Karakter yang Terkandung dalam Film Kartun Upin dan Ipin* khususnya terhadap filem *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal*. Menariknya, nilai pendidikan karakter yang dianalisis dalam filem tersebut dipertalikan dengan ayat al-Quran dan Hadis. Hasil kajian terhadap filem ini mendapati bahawa nilai-nilai pendidikan karakter terdiri pada nilai kerja keras yang mempunyai pertalian

dengan Surah at-Taubah ayat 105 serta Hadis yang menggalakkan umat Islam bekerja keras, nilai rasa ingin tahu berkait rapat dengan Hadis yang menganjurkan umatnya untuk bertanya sekiranya tidak mengetahui sesuatu, nilai bersahabat pula sejajar dengan Surah al-Hujurat ayat 10, nilai mencintai kedamaian mempunyai pertalian dengan Surah al-Ahzab ayat 25 dan nilai peduli sosial yang selari dengan Surah al-Maidah ayat 2 serta Hadis berkaitan tolong-menolong sesama umat muslim. Impak kajian ini ialah dapat mengemukakan nilai pendidikan karakter dalam filem yang sejajar al-Quran dan Hadis.

Berdasarkan kajian lepas tersebut, maka dapat diketahui bahawa kajian yang dijalankan oleh para sarjana terdahulu telah membincangkan filem animasi *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal* dari pelbagai sudut kaca mata. Tujahan kajian yang dijalankan terhadap filem animasi ini merangkumi agen didaktik pada layar, keupayaan dalam memperkenalkan seni budaya masyarakat Melayu, ciri-ciri penceritaan transmedia dan nilai pendidikan karakter. Namun begitu, kajian khusus berkaitan pemaknaan semula cerita rakyat Melayu yang diadaptasi ke dalam filem ini masih lagi kurang dibincangkan oleh para sarjana sebelumnya. Terdapat juga para sarjana yang menyentuh tentang pentafsiran berbeza yang dilakukan oleh pihak produksi terhadap cerita rakyat Melayu yang diadaptasi tetapi ia hanya bersifat umum dan tidak menjadi fokus sebenar dan tujahan utama dalam kajian yang dijalankan sebagaimana kajian ini. Bertitik-tolak daripada kelompangan kajian

yang ditinggalkan itu, fokus kajian ini akan ditunjukkan untuk membincangkan secara khusus seputar pemaknaan semula cerita rakyat Melayu yang diadaptasi ke dalam filem animasi *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal*.

### **Sinopsis Filem Animasi *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal* (2019)**

Filem animasi *Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal* (2019) merupakan filem ketiga terbitan produksi Les' Copaque selepas *Geng Pengembaraan Bermula* (2009) dan *Upin & Ipin: Jeng Jeng Jeng!* (2016). Naratif filem animasi siri ketiga ini bermula apabila Upin dan Ipin bersama-sama kawan-kawannya iaitu, Ehsan, Fizi, Mail, Mei Mei, Jarjit dan Susanti (Rajah 1) menemui sebilah keris mistik di bilik stor kepunyaan Tok Dalang. Tidak semena-mena, keris tersebut telah membuka sebuah portal yang membawa mereka masuk ke sebuah dimensi lain iaitu sebuah kerajaan yang dikenali sebagai kerajaan Inderaloka. Dalam usaha mencari jalan untuk kembali ke alam realiti, mereka telah mengharungi pengembaraan dalam kerajaan Inderaloka yang pada ketika itu sedang terjerumus ke dalam pergolakan angkara Raja Bersiong yang ingin menguasai kerajaan tersebut. Malah, Upin dan Ipin berserta kawan-kawannya turut berada dalam bahaya kerana membawa keris yang menjadi anak kunci kepada Raja Bersiong untuk merebut kerajaan Inderaloka. Sepanjang pengembaraan tersebut, mereka telah bertemu dengan beberapa watak cerita rakyat Melayu seperti Mat Jenin, Belalang, Bawang

Merah dan Bawang Putih, Nakhoda Ragam, Deruma dan Pak Belalang. Upin dan Ipin bersama-sama dengan kawan-kawannya perlu bekerjasama dengan watak cerita rakyat Melayu tersebut untuk melawan Raja Bersiong demi memulihkan semula ketenteraman kerajaan Inderloka seperti sedia kala sebelum mereka kembali ke alam realiti.



Rajah 1. Poster filem animasi *Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal*

Sumber: Les' Copaque Production (n.d.)

### **METODOLOGI**

Kajian ini merupakan kajian kualitatif terhadap filem animasi ketiga terbitan Les' Copaque berjudul *Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal* (2019) yang ditonton menerusi pelantar penstriman *Netflix* sebagai data penyelidikan. Justeru itu, hanya

dua kaedah sahaja yang digunakan dalam penyelidikan ini iaitu kaedah kepustakaan dan analisis kandungan. Kaedah kepustakaan diaplikasikan untuk mencari dan mencatat semua maklumat yang diperlukan bagi memenuhi objektif kajian ini. Maklumat-maklumat yang diperlukan dalam kajian ini diambil daripada bahan-bahan rujukan seperti buku, majalah, latihan ilmiah, jurnal, tesis, artikel, kertas seminar, kertas persidangan dan sebagainya sama ada dalam bentuk bercetak mahupun salinan lembut. Kesemua bahan rujukan tersebut diperoleh daripada Perpustakaan Tun Seri Lanang dan Perpustakaan Institut Alam dan Tamadun Melayu (ATMA) yang terletak di Universiti Kebangsaan Malaysia, Perpustakaan Sultan Abdul Samad di Universiti Putra Malaysia dan Perpustakaan Hamzah Sendut di Universiti Sains Malaysia.

Sementara itu, kaedah analisis kandungan pula dimanfaatkan untuk menganalisis filem *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal* bagi mengetahui secara mendalam sesuatu aspek atau kejadian yang dikaji khususnya pemaknaan semula dalam filem animasi tersebut. Dalam masa yang sama, Teori Adaptasi, khususnya teknik transposisi, akan digunakan untuk menjalankan analisis terhadap pengubahsuaian yang dilakukan oleh pihak produksi dalam memberikan pemaknaan semula terhadap cerita rakyat Melayu yang digunakan dalam filem animasi *Upin & Ipin: Keris Siamang Tunggal*. Proses analisis menggunakan teknik transposisi tersebut dijalankan dengan membawa naratif asal cerita rakyat Melayu untuk dibandingkan

dengan naratif cerita rakyat Melayu yang diadaptasi ke dalam filem menerusi bentuk dialog. Perubahan yang dikesan menerusi perbandingan terhadap naratif cerita rakyat Melayu yang adaptasi akan dibincangkan sebagai pemaknaan semula yang dihadirkan oleh pihak produksi.

### **Teori Adaptasi**

Adaptasi dalam ranah perfileman bukanlah sesuatu yang asing. Di Barat, ia diduga sudah pun bermula seawal era Griffith lagi dengan menyaksikan terhasilnya buah tangan beliau seperti *The Cloister and the Hearth*, *Juat Meat* dan *Resurrection* (Giddings et al., 1990). Oleh sebab kehadirannya dalam mewarnai dunia perfileman sudah begitu lama, maka wujud pelbagai terminologi yang digunakan oleh para sarjana untuk merujuk kepada pemindahan sebahagian ataupun keseluruhan karya cereka ke dalam sebuah lakon layar iaitu adaptasi. Malah, takrifan para sarjana terhadap istilah adaptasi tersebut juga saling bertentangan antara satu sama lain berikutan isu kesetiaan ataupun sebaliknya terhadap karya asal yang digeserkan ke lakon layar. Namun, daripada sekian banyak takrifan yang diberikan tersebut, adaptasi secara umumnya dapat dirumuskan sebagai pengubahan dan transformasi sesuatu kepada satu situasi yang baharu (Hamid et al., 2020).

Seperti mana terminologi dan persepsi terhadap adaptasi yang dihinggapai oleh pelbagai pandangan dan teori, adaptasi juga turut berhadapan dengan sarwapandang yang pelbagai daripada para sarjana yang menanganinya. Dudley Andrew, V. Swain

Dwight dan Geoffery Wagner merupakan antara sarjana yang saling mengemukakan pandangan tersendiri seputar teknik adaptasi (Othman, 2000). Pun begitu, antara teori adaptasi yang tuntas menurut Hamid et al. (2020) ialah teori yang diperkenalkan oleh Brain McFarlane lewat bukunya *Novel into Film: An Introduction to the Theory of Adaptation* (1996). Dalam buku terbit, McFarlane mengujarkan bahawa Geoffery Wagner (1975) yang melanjutkan pandangan Bela Balaz terhadap definisi adaptasi dalam bukunya yang berjudul *The Novel and The Cinema* telah menurunkan tiga teknik atau kaedah yang dapat dilakukan dalam pengadaptasian iaitu:

*(a) transposition, 'in which a novel is given directly on the screen with a minimum of apparent interference. This has been the most dominant and most pervasive method... it has also been the least satisfactory—and typically puerile. The film was envisaged as a book illustration an effect frequently heightened by an opening in which the page of the original are turned over; (b) commentary, 'where an original is taken and either purposely or inadvertently altered in some respect . . . when there has been a different intention on the part of the film-maker, rather than infidelity or outright violation, and (c) analogy, which must represent a fairly considerable departure for the sake of making another work of art* (McFarlane, 1996, p. 10).

Hamid et al. (2020) ketika mengulas secara lanjut terhadap ketiga-tiga teknik tersebut menyatakan transposisi membawa maksud adaptasi dapat dilakukan secara terus oleh penulis skrip dan pengarah filem dengan melakukan sedikit perubahan. Komentari pula membolehkan pengarah melakukan perubahan dengan kadar sedikit dan memberikan pentafsiran terhadap sesebuah karya berdasarkan konsep penampilan dalam filem. Teknik terakhir iaitu analogi pula melibatkan perubahan dalam usaha untuk menghasilkan karya berbentuk lain. Oleh yang demikian, kajian ini akan memanfaatkan teknik transposisi dengan membawa naratif asal cerita rakyat Melayu untuk dibandingkan dengan naratif cerita tersebut yang diadaptasi ke dalam filem menerusi dialog bagi menganalisis pemaknaan semula yang dihadirkan oleh pihak produksi terhadap cerita yang diadaptasi.

## ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Stam (2005) ketika memberikan pandangannya terhadap proses adaptasi menyatakan bahawa adaptasi merupakan sebuah tafsiran semula terhadap teks dengan membawa sebuah ideologi yang baharu. Selaras dengan kenyataan tersebut, Ingham (1998) pula menyatakan bahawa adaptasi berupaya “memunculkan makna yang lebih segar” (p. 430) dan menyuntik tenaga baharu terhadap teks lama. Justeru, berdasarkan kenyataan kedua-dua sarjana itu, Wan Teh (2017) merumuskan bahawa adaptasi merupakan satu usaha untuk mencukupkan makna daripada



karya asal. Proses mencukupkan makna tersebut merujuk kepada keinginan untuk menggantikan satu ilusi sebenar dengan sesuatu yang lain. Sekiranya diteliti, gejala adaptasi seperti yang diperkatakan itu dapat dikesan dengan begitu ketara dalam cerita rakyat Melayu yang diadaptasi ke dalam filem animasi *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal*. Pemaknaan semula cerita rakyat Melayu dalam filem animasi tersebut akan dibincangkan seterusnya.

**Transposisi Cerita Rakyat Melayu Si Tanggang.** Di sisi masyarakat Melayu sendiri, Si Tanggang merupakan figura dalam cerita rakyat yang paling dikenali dan popular. Kemasyhurannya tidak hanya sebatas di Malaysia malah mencakupi wilayah Nusantara yang lain sehingga dianggap sebagai satu bentuk warisan budaya yang dimiliki oleh serantau (Radzi, 2015). Cerita rakyat Si Tanggang menurut Radzi (2015) diklasifikasikan sebagai cerita legenda di bawah subklasifikasi legenda pendosa. Keberadaan cerita rakyat Si Tanggang dalam longgokan subklasifikasi tersebut adalah berikutan daripada perbuatan derhaka yang dilakukan oleh Si Tanggang terhadap ibunya iaitu Deruma setelah berjaya memperbaiki kehidupannya. Bertitik-tolak dari itu, naratif cerita rakyat Si Tanggang cenderung menyuguhkan perutusan nilai dan teladan seputar tidak menderhaka kepada ibu bapa di samping melukiskan gambaran tentang masyarakat Melayu yang menempatkan ibu bapa khususnya ibu di tingkat yang paling atas dalam sesebuah organisasi kekeluargaan.

Ringkasnya, cerita rakyat tersebut mengisahkan Si Tanggang yang ditangkap oleh seorang nakhoda untuk dijadikan pekerja dalam bahteranya. Lantaran sikap rajin dan amanah yang dipamerkan oleh Si Tanggang, nakhoda tersebut telah mengambilnya menjadi anak angkat lalu dikahwinkan dengan anak perempuannya. Setelah nakhoda tersebut uzur, Si Tanggang diberikan kepercayaan sebagai nakhoda baharu untuk meneruskan perniagaannya. Berbekalkan kecekapan dan kebijakan berniaga, nama Si Tanggang mulai terkenal sehingga dipanggil ke istana dan seterusnya berkahwin dengan puteri sultan yang terpikat kepadanya. Pada suatu ketika, kapal Si Tanggang telah berlabuh di kampung halamannya dan berita kepulangannya telah sampai ke pengetahuan ibunya, Deruma. Lantas Deruma menyiapkan pisang salai iaitu makanan kegemaran Si Tanggang lalu bergegas ke pelabuhan untuk menemui anak yang sudah begitu lama dirindunya. Malangnya, Deruma telah dianiaya oleh Si Tanggang yang menghalau dan menyakitinya lantaran malu dengan kedaifan ibunya itu. Deruma yang merasa kecewa dengan perlakuan anaknya telah memohon kepada Tuhan agar memberikan pembalasan kepada Si Tanggang. Rentetan itu, Si Tanggang telah berubah menjadi batu akibat perbuatan derhakanya terhadap Deruma (Puteh & Said, 1995).

Menariknya dalam pembikinan filem animasi *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal*, cerita rakyat Melayu Si Tanggang ini telah dipugar kembali oleh pihak produksi dengan menjadikannya sebagai salah satu fragmen

untuk menggerakkan alur penceritaan dalam filem tersebut. Pun begitu, pihak produksi tidak hanya mengeksploitasi cerita rakyat Si Tanggang ini semata-mata tetapi turut menerapkan teknik transposisi di bahagian peleraian naratif asal cerita rakyat Melayu yang diadaptasi. Berhubung perihal tersebut, tumpuan khusus diberikan kepada watak Deruma yang diselubungi oleh kekesalan dalam dirinya seraya melepaskan kemarahan kepada Si Tanggang hingga tersumpah menjadi batu di tengah laut. Rasa menyesal, menurut Landman (1987), memainkan peranan untuk menterjemahkan suasana sedih (*sorrow*) dan kekecewaan (*disappointment*) disebabkan oleh sesuatu yang dilakukan ataupun tidak dilakukan. Berdasarkan takrifan tersebut, maka penyesalan yang menyelubungi Deruma mempunyai pertalian dengan tindakannya yang terburu-buru menyumpah Si Tanggang menjadi batu. Babak yang menyuguhkan rasa penyesalan Deruma tersebut disuguhkan oleh Amiruddin et al. (2019) menerusi dialog dalam filem animasi *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal* seperti berikut:

Upin: Itu anak nenek ye? Macam mana nenek sumpah dia?

Deruma: (teresak)

Upin: Nek, janganlah sedih.

Deruma: Nenek kesal bertindak terburu-buru... tak sabar.. sepatutnya nenek maafkan dia.

Upin: Jadi, sekarang nenek sudah maafkan dia?

Deruma: (Bingkas bangun dan berteriak) Tangganggggggg... hati mak dah lama maafkan kau Tanggang.. tapi mulut ni berat sangat nak ucapkan.. mak maafkan kau Tangganggggg....

(Sejurus itu, Tanggang berserta dengan kapalnya yang menjadi batu perlahan-lahan tenggelam ke dasar laut)

Deruma: (teresak) Mak maafkan kamu. (Amiruddin et al., 2019, 1:04:25-1:02:35)

Berdasarkan dialog yang dipetik daripada babak tersebut, maka jelas bahawa pihak produksi filem animasi telah melakukan transposisi terutamanya di bahagian peleraian cerita rakyat Si Tanggang yang diadaptasi ke dalam filem *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal*. Transposisi menyaksikan watak Deruma bergelumang dan dihantui oleh penyesalan ekoran tindakan terburu-buru menyumpah Si Tanggang sehingga bertukar menjadi batu. Perasaan menyesal yang menghinggapi Deruma telah memungkinkan dia menyatakan isi hatinya yang sebenar untuk memaafkan Si Tanggang atas perbuatan derhakanya. Sekiranya dicermati, peristiwa ini sama sekali tidak ditemui dalam naratif asal cerita Si Tanggang yang tamat setelah bertukar menjadi batu akibat perbuatan derhakanya kepada Deruma.

Oleh itu, transposisi yang dilakukan terhadap perlembaian cerita rakyat Si Tanggang tersebut telah berhasil menyuguhkan sebuah pemaknaan semula lewat kemaafan yang diberikan oleh Deruma kepada Si Tanggang. Meskipun kemaafan yang dizahirkan oleh Deruma itu sudah pun terlewat dan tidak dapat mengubah semula keadaan seperti sedia kala, namun perutusan nilai yang paling penting yang dicerap menerusinya ialah ketinggian nilai dan kasih sayang yang tidak berbelah bahagi seorang ibu terhadap anaknya. Hakikatnya, ia merupakan gambaran sebenar kasih sayang yang dimiliki oleh seorang ibu kerana walau sebesar manapun dosa dan kejahatan yang dilakukan oleh seorang anak terhadap ibunya, ia sama sekali tidak berupaya menyurutkan genangan kasih sayang seorang ibu. Walaupun kemaafan Deruma hanya berlaku dalam konteks filem animasi ini semata-mata, namun setidaknya-tidaknya pemaknaan semula yang diketengahkan lewat transposisi tersebut merupakan suatu bentuk alternatif untuk mendamaikan konflik yang berlaku antara Si Tanggang dengan Deruma. Kesudahan yang sedemikian adalah lebih baik berbanding kedua-duanya berterusan terjerumus ke dalam konflik kekeluargaan yang berpanjangan di samping menepati konteks masyarakat semasa.

### **Transposisi Cerita Rakyat Bawang Putih Bawang Merah**

Cerita rakyat Bawang Putih Bawang Merah juga merupakan salah satu cerita rakyat yang tidak asing dalam ranah kesusasteraan rakyat. Cerita rakyat yang satu ini turut

menyebar dengan meluas dalam wilayah Nusantara sehingga tampil dengan pelbagai versi tersendiri mengikut negara masing-masing. Judul bagi cerita rakyat ini di Malaysia umpamanya dikenali sebagai Bawang Putih Bawang Merah manakala di Indonesia judulnya ialah Bawang Merah Bawang Putih (Hasanudin et al., 2021). Cerita rakyat Melayu Bawang Putih Bawang Merah ini secara keseluruhannya menurut Puteh dan Said (1995) mengisahkan perihal Bawang Merah yang tinggal di bawah jagaan ibu tirinya bersama saudara tirinya, Bawang Putih yang begitu membencinya setelah ibunya meninggal dunia. Dalam tempoh tersebut, Bawang Merah telah mengharungi kehidupan seharian yang sukar angkara perbuatan ibu dan saudara tirinya itu. Nasib Bawang Merah bagaimanapun mulai berubah setelah seorang putera raja menyuntingnya menjadi isteri dan hidup dengan gembira serta bahagia di dalam istana.

Dalam filem animasi *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal*, cerita rakyat Bawang Putih Bawang Merah ini turut tidak ketinggalan dijadikan sebagai landasan untuk menggerakkan alur penceritaan filem terbabit. Seperti mana cerita rakyat Melayu Si Tanggang sebelumnya, teknik transposisi turut diterapkan dalam naratif cerita rakyat Melayu Bawang Putih Bawang Merah yang diadaptasi pada bahagian perlembaian. Penggunaan teknik transposisi terhadap cerita rakyat ini digerakkan oleh elemen kemaafan yang menyaksikan Bawang Merah dijadikan sebagai watak kakak berjiwa besar yang bersedia memaafkan kesalahan

Bawang Putih manakala Bawang Putih pula dijadikan sebagai watak yang menyedari kesalahan sendiri dan ingin memohon maaf kepada Bawang Merah. Perihal tersebut digambarkan oleh Amiruddin et al. (2019) menerusi dialog filem animasi *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal* iaitu seperti berikut:

**(Babak I)**

Nakhoda Ragam: Mengapa kau berada di sini?

Bawang Merah: Dulu....

Upin: Ceritalah... ceritalah

Bawang Merah: Sebenarnya Merah dipenjarakan di sini akibat difitnah Bawang Putih, adik Merah sendiri. Hati ini sakit sangat pada dia.

**(Pada masa yang sama, dibabak II)**

Bawang Putih: Putih tak patut buat dia begitu. Putih rasa bersalah dan kesal sangat. Putih teringin nak jumpa dia dan minta maaf.

Mei Mei: Tapi kenapa kakak dalam penjara?

Bawang Putih: Hahhh! Kerana kakak jahat! Fitnah kakak sendiri. Raja murka.

**(Kembali ke babak I)**

Bawang Merah: Hei! Bertuah punya budak! Jangan usik Nian!

Upin: Garangnya. Macam Kak Ros. Betul tak Ipin?

Bawang Merah: Kak Ros?

Upin: Ya, kakak kami nama dia Ros. Walaupun garang dia baik hati. Dia gorengkan ayam untuk kami.

Ipin: Apabila kami sakit, dia jaga. Apabila kami nakal....

Upin: Dia marah! Dia piat telinga kami.

Bawang Merah: (teringat memori sewaktu kecil bersama dengan Bawang Putih)

Ipin: Tapi, macam mana Kak Ros marah pun, dia tetap sayang kami.

Upin: Ya. Kalau kami salah dia mesti maafkan. Sebab dia kakak.

Ipin: Kakak kan kena jaga adik-adik. Betulkan kak?

Bawang Merah: (teresak) Ya, betul. Kakak mesti maafkan adik. Air dicincang tak akan putus. Dialah satu-satunya keluarga Merah. Putih, di manakah kau? Merah rindukan putih. Merah maafkan putih. (Amiruddin et al., 2019, 36:57–32:48)

Petikan dialog pada babak I dan II menyuguhkan tentang pemaknaan semula menerusi teknik transposisi yang dilakukan oleh pihak produksi terhadap cerita rakyat Bawang Putih Bawang Merah yang diadaptasi. Penggunaan teknik tersebut dapat dilihat menerusi rasa tanggungjawab seorang kakak di samping perasaan kasih sayang sesama ahli keluarga yang berjaya melembutkan hati Bawang Merah untuk memaafkan Bawang Putih yang

memfitnahnya sehingga menyebabkannya terkurung di sebuah tempat. Bawang Merah juga sedar bahawa perselisihan yang berlaku antaranya dengan Bawang Putih tidak akan berkekalan kerana jika sudah sampai masanya adik-beradik yang berseteru sudah tentu akan kembali berbaik-baik semula bertepatan dengan peribahasa “carik-carik bulu ayam, lama-lama bercantum juga”. Pada masa yang sama, Bawang Putih yang berada di penjara turut meluahkan rasa bersalah dan kekesalannya terhadap perbuatan yang dilakukan pada Bawang Merah. Perasaannya itu mendorong Bawang Putih ingin segera berjumpa dengan Bawang Merah untuk memohon maaf atas kejahatan yang dilakukannya kepada Bawang Merah sebelum ini.

Perseteruan antara Bawang Merah dengan Bawang Putih yang didamaikan lewat filem animasi ini juga merupakan sesuatu yang asing dalam naratif asal cerita rakyat Bawang Putih Bawang Merah seperti yang dibawakan pada awal perbincangan. Transposisi yang dilakukan oleh pihak produksi ke atas cerita rakyat Melayu yang satu ini telah berjaya menghadirkan pemaknaan semula yang lebih baik dan segar apabila kedua-dua adik beradik yang selama ini berseteru menjadi rukun dengan bermaaf-maafan antara satu sama lain setelah menyesali kekhilafan yang dilakukan. Peristiwa bermaafan antara Bawang Merah dengan Bawang Putih yang diolah dalam filem ini menjadi kesudahan yang lebih baik bagi kedua-dua adik-beradik yang terkenal dengan perseteruan mereka berbanding terus bermusuhan seperti dalam

naratif asal yang sudah sedia diketahui. Ia sekali gus mewajahkan kejayaan pihak produksi mengetengahkan perutusan nilai yang ditunjangi oleh elemen kemaafan menerusi pemaknaan semula yang dilakukan terhadap cerita rakyat Melayu ini.

### **Transposisi Cerita Rakyat Mat Jenin**

Mat Jenin merupakan cerita rakyat Melayu yang berada dalam kategori cerita jenaka. Walaupun cerita ini bersifat jenaka tetapi naratifnya tetap sarat mengujarkan ibrah yang dapat diambil oleh khalayak yang menikmatinya. Cerita rakyat Melayu berjudul Mat Jenin secara ringkasnya berkisar tentang seorang pemuda bernama Mat Jenin yang sedang memasang angan-angan di atas pokok kelapa ketika mengambil upah memetik buah kelapa. Dalam angan-angannya itu, upah yang diperoleh akan digunakan membeli telur ayam dan kemudiannya dieramkan. Setelah menetas dan membiak, Mat Jenin akan menjual ayam tersebut untuk membeli beberapa ekor kambing. Setelah kambing belaanannya itu membiak dan membesar, kambing itu juga akan dijual dan hasilnya digunakan untuk membeli lembu. Sampai pada masanya, Mat Jenin akan turut menjual lembunya itu setelah membiak dan gemuk untuk membeli gajah dan banyak lagi keinginannya sehingga dia akhirnya berjaya mengahwini puteri raja yang memeluknya lalu membuatnya menggeliat dan terjatuh dari pokok (Winstedt, 1996).

Di samping cerita Si Tanggung dan Bawang Putih Bawang Merah, naratif filem *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal* turut

berpaut kuat pada cerita rakyat Melayu Mat Jenin. Menariknya, figura Mat Jenin telah dijadikan sebagai watak utama dalam kerajaan Inderaloka setelah Upin dan Ipin berserta kawan-kawannya memasuki kerajaan tersebut melalui Batu Belah Batu Bertangkup. Dalam filem animasi ini, Mat Jenin diceritakan sedang mencari rambut untuk dijual dengan nilai sepuluh emas bagi sehelai rambut. Keuntungan yang diperoleh daripada jualan rambut tersebut melorongkan Mat Jenin memasang niat untuk mengahwini anak raja. Niat Mat Jenin yang ingin menjadi kaya dalam filem ini tidak jauh berbeza dengan naratif asal yang sudah diketahui dalam cerita rakyat. Namun, seperti mana dua cerita rakyat yang telah diperincikan sebelumnya, pihak produksi filem animasi ini juga turut menerapkan teknik transposisi terhadap naratif asal cerita rakyat Mat Jenin yang diadaptasi. Transposisi yang dilakukan ini didasari oleh elemen kebaikan yang menyaksikan Mat Jenin tampil sebagai watak yang positif apabila angan-angannya yang ingin menjadi kaya direalisasikan sebagai pewaris takhta sebenar kerajaan Inderaloka. Perkara tersebut diperlihatkan oleh Amiruddin et al. (2019) menerusi petikan dialog *filem animasi Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal* seperti berikut:

Nakhoda Ragam: Jenin!

Mat Jenin: Kau! Panglima! Kau yang bawa aku lari! Kenapa? Kenapa kau lari? Kenapa tak tolong raja? Kenapa?

Apa yang kau dah buat, Ragam? Raja ditinggalkan!

Nakhoda Ragam: Tuanku! Patik diperintah menyelamatkan dan melindungi Tuanku daripada bahaya!

Mat Jenin: Atas perintah siapa?

Nakhoda Ragam: Ayahanda Tuanku, Raja Inderaloka! Tuanku saja pewaris....  
(Amiruddin et al., 2019, 26:51-26:21)

Dialog antara Mat Jenin dengan Nakhoda Ragam memaparkan dengan jelas teknik transposisi yang dilakukan terhadap naratif asal cerita rakyat Mat Jenin. Sikap Mat Jenin yang berangan-angan ingin menjadi kaya dalam naratif sebenar telah dikesampingkan dengan menaikkan status sosial Mat Jenin daripada rakyat biasa menjadi golongan aristokrat. Dalam filem ini, Mat Jenin tidak dikekalkan sebagai pemuda yang menyara hidupnya dengan melakukan kerja-kerja kampung dan meninggal akibat berangan sebaliknya diubah sebagai pewaris takhta kerajaan Inderaloka. Di saat Raja Inderaloka sebelumnya tewas ketika bertarung dengan Raja Bersiong, Mat Jenin telah diselamatkan oleh Nakhoda Ragam yang pada ketika itu menjadi panglima kerajaan Inderaloka. Sejak peristiwa tersebut, Mat Jenin melalui hari-harinya sebagai rakyat biasa sehingga dia kembali semula ke istana Inderaloka untuk mengingati semula kejadian yang lampau.

Sebagai pewaris sah Kerajaan Inderaloka, Mat Jenin dalam filem

animasi ini bertanggungjawab melawan Raja Bersiong yang sekian lama ingin merampas kerajaan tersebut. Setelah melalui pertarungan yang sengit, Mat Jenin berjaya mengalahkan Raja Bersiong dan sekali gus memulihkan semula kerajaan Inderaloka yang sudah lama terpuruk. Transposisi yang dilakukan terhadap cerita rakyat Mat Jenin ini telah mengemukakan pemaknaan semula apabila watak Mat Jenin tidak dikekalkan sebagai pemuda yang tenggelam dalam angan-angan sebaliknya beliau dijadikan pewaris sebuah kerajaan. Perspektif baharu yang dibawa oleh filem ini memberikan kesudahan yang lebih baik kepada watak Mat Jenin berbanding naratif asal yang memperlihatkan Mat Jenin meninggal kerana jatuh dari pokok kelapa akibat berangan-angan. Interpretasi yang segar terhadap watak tradisional yang negatif tersebut menurut Hashim (2021) dilakukan sesuai dengan semangat zaman semasa, membina arketaip abad ke-21 yang optimistik dan berfikiran jauh ke hadapan.

## KESIMPULAN

Teknik transposisi dalam Teori Adaptasi telah dimanfaatkan oleh pihak produksi filem animasi *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal* untuk menghadirkan sebuah pemaknaan semula terhadap cerita rakyat Melayu yang diadaptasi ke dalam filem ini. Fokus pihak produksi ternyata tidak hanya ditujahkan sepenuhnya untuk menyajikan kisah seputar Upin dan Ipin berserta kawan-kawannya sebaliknya tiga daripada cerita rakyat yang digunakan dalam filem ini iaitu Si Tanggang, Bawang Putih Bawang Merah

dan Mat Jenin telah digarap dengan baik oleh pihak produksi untuk dibaurkan dalam filem ini sehingga berjaya menyuguhkan sebuah pemaknaan semula terhadap naratif asal cerita rakyat Melayu yang diadaptasi. Pemaknaan semula terhadap cerita rakyat Melayu menerusi teknik transposisi tersebut menyaksikan Deruma diselubungi rasa menyesal akibat terburu-buru sehingga memungkinkan dirinya memaafkan penderhakaan Si Tanggang. Sementara itu, Bawang Merah ditampilkan sebagai seorang kakak yang berjiwa besar dan bersedia memaafkan kesalahan Bawang Putih yang memfitnahnya. Pada masa yang sama, Bawang Putih juga turut dihinggapi oleh rasa bersalah dan kesal kerana memfitnah kakaknya dan ingin segera memohon maaf kepada Bawang Merah. Mat Jenin pula tidak diteruskan sebagai watak yang meninggal akibat kuat berangan-angan sebaliknya dijadikan sebagai pewaris takhta kerajaan Inderaloka. Teknik transposisi yang diterapkan terhadap naratif asal cerita rakyat Melayu yang diadaptasi telah berhasil menawarkan pemaknaan semula terhadap ketiga-tiga cerita rakyat terbabit dengan mengemukakan kesudahan yang lebih baik, segar dan bertepatan dengan pandangan hidup dan konteks masyarakat semasa.

## Implikasi secara Praktis

Penyelidikan yang dilakukan pada masa yang akan datang perlu dijalankan untuk meneliti pemaknaan semula yang dihadirkan oleh pengkarya dalam lapangan yang lain. Ini kerana, fenomena pemaknaan semula tidak hanya dituangkan dalam bentuk filem

semata-mata sebaliknya ia turut diwajahkan dalam bentuk yang lain seperti novel, cerpen dan puisi baik yang dihasilkan oleh pengkarya tempatan mahupun antarabangsa. Pada masa yang sama, pemaknaan semula tersebut turut dapat diteroka dalam bidang sejarah yang diolah ke dalam sesebuah karya kerana fenomena pemaknaan semula tidak hanya terhad dalam ranah kesusasteraan semata-mata. Kesan dari itu, sudut pandang, pegangan tradisional dan naratif berunsur negatif dalam sesebuah karya sastera mahupun sejarah yang ditafsir semula oleh seseorang pengkarya akan dapat diselongkar dan disebarkan kepada khalayak untuk meningkatkan kerohanian, nilai kemanusiaan dan kenegaraan khalayak yang menikmatinya yang sama sekali tidak dapat dicapai menerusi proses saintifik dan empirikal.

### **Limitasi Kajian dan Cadangan Kajian Masa Hadapan**

Limitasi kajian ini adalah hanya menggunakan filem animasi *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal* untuk menyelongkar pemaknaan semula yang dihadirkan oleh pihak produksi Les'Copaque terhadap cerita rakyat Melayu yang diadaptasi ke dalam filem ini. Namun begitu, filem animasi ketiga ini bukanlah satu-satunya medium yang digunakan oleh pihak produksi untuk mengadaptasi cerita rakyat Melayu. Ini kerana pihak produksi turut mengadaptasi beberapa cerita rakyat Melayu yang lain ke dalam animasi *Upin & Ipin* menerusi tayangan secara bermusim seperti *Upin*

& *Ipin Pim Pim Pom*. Oleh itu, wujud kebarangkalian bahawa pihak produksi turut melakukan pemaknaan semula terhadap cerita rakyat Melayu dalam animasi *Upin & Ipin* yang ditayangkan secara bermusim. Bertolak dari itu, cadangan kajian pada masa yang akan datang dapat dijalankan dengan meneliti pemaknaan semula yang diberikan oleh pihak produksi Les'Copaque terhadap cerita rakyat Melayu yang diadaptasi ke dalam siri animasi *Upin & Ipin* yang ditayangkan secara bermusim sama ada dengan menggunakan kerangka kajian dan teori yang sama ataupun yang lain.

### **PENGHARGAAN**

Penulis ingin merakamkan setinggi penghargaan kepada Assoc. Prof. Dr. Salmah Jan Noor Muhammad dari Fakulti Bahasa Moden dan Komunikasi, Universiti Putra Malaysia yang memberi pandangan dan kritikan dalam menghasilkan artikel ini.

### **RUJUKAN**

- Adibah, H. (2022). *Nilai pendidikan karakter dalam Film Upin Dan Ipin: Keris Siamang Tunggal dan relevansinya dengan aspek perkembangan sosial emosional pada anak usia dini* [Nilai pendidikan peribadi dalam Filem Upin dan Ipin: Keris Siamang Tinggal dan kerelevanannya dengan aspek perkembangan sosial emosional kepada kanak-kanak prasekolah; Tesis Sarjana Pendidikan, Universitas Islam Negeri]. Repository UIN Profesor Kiai Haji Saifuddin Zuhri. <https://repository.uinsaizu.ac.id/id/eprint/17264>
- Ali, A. H. (2012). Satu analisis pengkisahan semula sastera Melayu tradisional dalam perspektif baharu. *Jurnal Perspektif*, 4(2), 16-27.



- Amiruddin, A., Razuri, A., & Khalid, N. S. (Pengarah). (2019). *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal* [Filem]. Les' Copaque Production.
- Giddings, R., Selby, K., & Wesley, C. (1990). *Screening the novel: The theory and practice of literary dramatization*. Macmillan.
- Hamid, M. N. S., Yaapar, M. S., & Nitiphak, S. (2020). Adaptasi teks sejarah kepada filem: Kajian bandingan teks sejarah Kerajaan Melayu Patani kepada filem *Quees of Langkasuka*. *Jurnal Antarabangsa Dunia Melayu*, 13, 299-318. [https://doi.org/10.37052/jm.13\(2\)no6](https://doi.org/10.37052/jm.13(2)no6)
- Hasanudin, M. I. W., Azlizan, M. A. A., & Jamian, M. N. (2021). Cerita rakyat Bawang Putih Bawang Merah Versi Malaysia & Indonesia: Perbandingan latar budaya. *Jurnal Wacana Sarjana*, 5(3), 1-21.
- Hashim, R. (2021, Ogos 1). Penceritaan transmedia: Pengalaman naratif baharu dalam filem animasi *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal*. *Dewan Sastera*, 8, 9-14.
- Ingham, M. (1998). *The theatre of storytelling: The prose fiction stage adaptation as social allegory contemporary British drama*. University of Hong Kong.
- Jumrah, M. H., & Jumrah, Z. (2021, Jun 2-3). *Upin & Ipin Keris Siamang Tunggal: Agen didatik pada layar budaya*. Persidangan Antarabangsa Bahasa, Sastera Dan Budaya Melayu, Sintok, Alor Setar, Malaysia. [https://www.researchgate.net/publication/355201357\\_UPIN\\_IPIN\\_KERIS\\_SIAMANG\\_TUNGGAL\\_AGEN\\_DIDAKTIK\\_PADA\\_LAYAR\\_BUDAYA](https://www.researchgate.net/publication/355201357_UPIN_IPIN_KERIS_SIAMANG_TUNGGAL_AGEN_DIDAKTIK_PADA_LAYAR_BUDAYA)
- Landman, J. (1987). Regret: A theoretical and conceptual analysis. *Journal for the Theory of Social Behaviour*, 17(2), 135-160. <https://doi.org/10.1111/j.1468-5914.1987.tb00092.x>
- Mahmood, W. H. W. (2021). Keris Siamang Tunggal: Unveiling Malay artistic culture. *International Journal of Language, Literacy and Translation*, 4(1), 28-44. <https://doi.org/10.36777/ijollt2021.4.1.041>
- McFarlane, B. (1996). *Novel into film: An introduction to the theory of adaptation*. Clarendon Press.
- Nurfalaah, D., Hakim, A., & Dudi, A. (2022). Analisis nilai pendidikan karakter yang terkandung dalam film kartun *Upin dan Ipin*. *Jurnal Riset Pendidikan Guru Paud*, 2(2), 95-106. <https://doi.org/10.29313/jrpgp.v2i2.1292>
- Othman, H. (2000). *Adaptasi novel ke filem: Analisis perbandingan antara filem Melayu dan filem barat* [Tesis sarjana, Universiti Malaya]. UM Student's Repository. <http://studentsrepo.um.edu.my/681/>
- Puteh, O., & Said, A. (1995). *Himpunan 366 cerita rakyat Malaysia*. Utusan Publications & Distributors.
- Radzi, S. B. M. (2015). Si Tanggung moden dan perubahan makna dalam cerita bermotifkan anak derhaka. *Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 247-261. <https://doi.org/10.17576/JKMJC-2015-3102-16>
- Stam, R. (2005). Introduction: The theory and practice of adaptation. Dlm. R. Stam & A. Raengo (Pnyt.), *Literature and film: Guide to the theory and practice of film adaption* (hlm. 1-52). Blackwell Publishing.
- Wan Teh, W. H. (2017, Mei 5-7). *Wangi jadi saksi: Satu bacaan semula terhadap sejarah setiakawan Tuah-Jebat* [Kertas Pembentangan]. Persidangan Antarabangsa Historiografi Melayu, Kuantan, Malaysia.
- Winstedt, R. O. (1996). *A history of classical Malay literature*. Eagle Trading Sdn. Bhd.